

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]

SOALAN

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan KTM Komuter di seluruh negara dan adakah Kementerian bercadang untuk melanjutkan perjalanan tren ke stesen komuter Gemas, khususnya pada hujung minggu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa prihatin untuk meningkatkan kecekapan dan pengalaman pengguna semasa menggunakan perkhidmatan KTMB. Kementerian ini melalui Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah merancang beberapa inisiatif untuk menaik taraf perkhidmatan keretapi terutamanya perkhidmatan KTM Komuter di seluruh negara.
2. Antara perancangan dan inisiatif KTMB adalah:
 - i. Memperkenalkan Perkhidmatan KTM Komuter di sektor selatan setelah siapnya projek landasan berkembar elektrik Gemas - Johor Bahru pada tahun 2025. Unjuran kekerapan tren komuter di sektor selatan bagi laluan Paloh - Johor Bahru adalah pada setiap 30 minit pada waktu puncak;
 - ii. Perolehan 12 set tren elektrik 3-koc baharu untuk Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara. Set tren elektrik 3-koc baharu ini dijangka dapat digunakan mulai tahun 2027 dan seterusnya meningkatkan kekerapan tren komuter di laluan Butterworth - Padang Besar kepada setiap 15 minit pada waktu puncak;
 - iii. Meningkatkan kekerapan tren komuter di sektor Lembah Klang kepada setiap 7.5 minit pada waktu puncak menjelang tahun 2030 setelah siap sepenuhnya projek naiktaraf KVDT2 bagi laluan Salak Selatan - Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang (SPK) - Pelabuhan Klang; dan
 - iv. Meningkatkan ketersambungan batuan pertama dan terakhir dari dan ke stesen keretapi menerusi kolaborasi dengan pemain-pemain industri e-hailing dan pengangkutan bas. Ini secara langsung dapat memudahkan pergerakan pengguna ke stesen keretapi yang berhampiran.

3. Sebagai pemilik dan pengurus aset-aset kereta api, RAC juga telah melaksanakan beberapa projek berkaitan kemudahan infrastruktur kereta api bagi meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB. Ini termasuk:

- i. Projek Kemudahan Rakyat dan Orang Kurang Upaya (OKU) Stesen Keretapi Tanjong Malim, Perak dengan kos sebanyak RM6.5 juta;
- ii. Projek Kemudahan Rakyat dan Orang Kurang Upaya (OKU) Stesen Keretapi Batu Gajah dengan kos sebanyak RM5.95 juta;
- iii. Projek Membaik Pulih Bangunan Stesen Keretapi Seremban dengan kos sebanyak RM9.57 juta; dan
- iv. Projek Membina Baharu Platform *Tren Diesel Multiple Unit* (DMU) di jajaran kereta api Sektor Pantai Timur dengan kos sebanyak RM13.5 juta.

4. Selain itu, melalui pemberian Geran Kerajaan Persekutuan, RAC telah melaksanakan beberapa projek peningkatan infrastruktur, antaranya projek pembinaan bangunan *Park & Ride* di Stesen Keretapi Rawang dan Klang serta inisiatif-inisiatif Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) PRIHATIN Tahun 2020 dan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) 2021.

5. Bagi memastikan pengoperasian kereta api berada pada tahap yang maksimum, RAC telah mula melaksanakan kerja-kerja baik pulih lokomotif, menyediakan wagon berkapasiti tinggi dan mengaktifkan set tren Komuter & ETS yang rosak melalui kaedah *Request For Proposal* (RFP).

6. RAC telah membuka tawaran RFP untuk mengaktifkan semula 10 set Komuter & 6 set Electric Train Service (ETS) yang rosak. Pada masa kini, RFP tersebut dalam proses penilaian dan dijangka kerja-kerja pengaktifan semula tren-tren tersebut akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 dan siap sepenuhnya pada tahun 2027.

7. Selain itu, RAC selaku pemilik aset juga berperanan dalam menilai prestasi aset-aset milik RAC yang digunakan oleh pihak operator KTMB

secara berkala. Aset-aset yang telah dikenalpasti mengalami faktor penyusutan usia lazim/ bahan (*wear & tear*) akan dirancang untuk kerja-kerja pembaikan atau naik taraf.

8. Buat masa ini, KTMB tiada perancangan untuk melanjutkan Perkhidmatan KTM Komuter sehingga ke Gemas berikutan bilangan set elektrik yang terhad dan hanya mencukupi untuk digunakan bagi operasi komuter laluan sedia ada iaitu Tanjung Malim - Pelabuhan Klang dan Batu Caves - Pulau Sebang.

Sekian, terima kasih.